



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD3 (85)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

MANDATORI PENDAFTARAN DAN PENGGREDEAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG DI BAWAH KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

20 Januari 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) meminta semua pengusaha premis penginapan berlesen di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mendaftar sebagai Premis Penginapan Pelancong (PPP) di bawah MOTAC selaras dengan Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]. Ia bertujuan untuk mengawal kewujudan rumah kediaman yang dijadikan rumah penginapan atau inap desa yang semakin bertambah selain membolehkan pengusaha mematuhi syarat yang dikenakan, serta mengelakkan sebarang aduan daripada pihak pengguna. Pelaksanaan ini juga bertujuan untuk mengelakkan premis penginapan pelancongan dijadikan tempat transit kepada penjenayah berikutan ia tidak mempunyai sebarang maklumat keluar masuk pelancong seperti hotel.

Merujuk kepada statistik MOTAC, hanya 4,771 premis telah berdaftar sebagai PPP sedangkan masih banyak premis penginapan berlesen dan beroperasi di seluruh negara belum memohon pendaftaran di bawah MOTAC. Pendaftaran di bawah MOTAC adalah mandatori seperti ketetapan Akta 482. Oleh itu, MOTAC menggalakkan semua premis penginapan ini untuk berdaftar sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan di ambil pada masa akan datang. Pendaftaran ini boleh dilaksanakan secara atas talian melalui Sistem Pelesenan & Penguatkuasaan Pelancongan atau *Tourism Licensing and Enforcement System* (TOURLIST) atau www.tourlist.gov.my.

Pada masa yang sama juga, MOTAC mengingatkan semua premis penginapan yang telah berdaftar sebagai PPP dan memenuhi syarat penggredan diminta untuk mengemukakan permohonan penggredan kepada Pejabat MOTAC Negeri berkenaan. Pelbagai insentif akan dapat dinikmati oleh premis yang telah diberikan penggredan oleh

MOTAC. Antaranya adalah pengambilan pegawai dagang atau pekerja asing, insentif cukai daripada *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), bantuan kewangan daripada Kerajaan dari masa ke semasa dan juga membantu mempromosikan premis sama ada di dalam atau di luar negara.

Oleh itu, MOTAC menyeru semua pengusaha premis penginapan yang layak untuk pendaftaran dan penggredan PPP mengambil peluang ini untuk berdaftar dan seterusnya diberikan penggredan di bawah MOTAC. Garis Panduan Pendaftaran Premis Penginapan Pelancong, Garis Panduan Penggredan Premis Penginapan Pelancong dan Kriteria Penggredan boleh dirujuk di laman sesawang MOTAC.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my Facebook,

Instagram & Twitter: @mymotac